



## **SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK**

**BILANGAN 14 TAHUN 2024**

---

### **GARIS PANDUAN LATIHAN INDUSTRI ANTARABANGSA UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

---

Bahagian Hal Ehwal Akademik  
10 September 2024

Disalankan kepada:

Naib Canselor  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)  
Pendaftar  
Pegawai-Pegawai Kanan

## UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

10 September 2024

### **SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK** **BILANGAN 14 TAHUN 2024**

### **GARIS PANDUAN LATIHAN INDUSTRI ANTARABANGSA UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

#### **1.0 TUJUAN**

Surat Pekeliling Pengurusan Akademik ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua kakitangan dan pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris mengenai keputusan pihak Universiti atas kelulusan Senat Kali Ke-237 Bilangan 9/2024 yang bersidang pada 10 September 2024 telah meluluskan **Garis Panduan Latihan Industri Antarabangsa Universiti Pendidikan Sultan Idris.**

#### **2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Latihan industri antarabangsa di UPSI akhir-akhir ini menunjukkan perkembangan yang signifikan seiring dengan peningkatan pelajar antarabangsa. Oleh itu, Garis Panduan Latihan Industri Antarabangsa ini diwujudkan bagi memastikan pelaksanaan program latihan industri di peringkat antarabangsa berjalan dengan lancar, efektif dan teratur.
- 2.2 Garis Panduan Latihan Industri Antarabangsa Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) merujuk kepada panduan yang disediakan oleh Pusat Latihan Mengajar dan Industri (PuLaMI) untuk pelajar yang menjalani latihan industri di luar negara. Garis panduan ini merangkumi pelbagai aspek seperti persiapan, pelaksanaan dan penilaian program latihan industri.
- 2.3 Garis Panduan Latihan Industri Antarabangsa dirancang untuk memberikan panduan yang jelas dan berstruktur bagi pelaksanaan program latihan industri di peringkat antarabangsa, dengan tujuan untuk meningkatkan kemahiran, pengalaman dan prospek kerjaya pelajar.

- 2.4 Dalam era globalisasi, kemahiran dan pengalaman antarabangsa menjadi semakin penting. Program mobiliti antarabangsa untuk latihan industri membantu pelajar mendapatkan pendedahan global, meningkatkan pemahaman mereka tentang budaya yang berbeza dan mengembangkan kemahiran yang diperlukan untuk bersaing di pasaran kerja antarabangsa.
- 2.5 Garis Panduan Latihan Industri Antarabangsa UPSI adalah melibatkan beberapa aspek penting seperti berikut:
  - 2.5.1 Kelayakan Pelajar
  - 2.5.2 Tempoh Latihan Industri
  - 2.5.3 Pendaftaran Latihan Industri
  - 2.5.4 Penempatan Latihan Industri
  - 2.5.5 Keperluan Dokumen Latihan Industri
  - 2.5.6 Pembiayaan dan Sokongan Kewangan
  - 2.5.7 Keselamatan dan Perlindungan Pelajar
  - 2.5.8 Penyeliaaan dan Penilaian
  - 2.5.9 Tanggungjawab Pelajar, Fakulti dan semua Institusi yang terlibat
  - 2.5.10 Kepatuhan kepada Peraturan Antarabangsa

### **3.0    OBJEKTIF**

Objektif bagi Garis Panduan Latihan Industri Antarabangsa UPSI adalah seperti berikut:

- 3.1 Memberi panduan kepada pelajar, penyelia akademik, penyelia industri dan penyelaras latihan industri terhadap tanggungjawab masing-masing dalam pelaksanaan latihan industri antarabangsa.
- 3.2 Menerangkan syarat, peraturan, pelaksanaan, kaedah penyeliaan serta penilaian bagi latihan industri antarabangsa.
- 3.3 Menerangkan prosedur kepada pelajar, pensyarah penyelia, penyelia industri dan penyelaras latihan industri agar dapat merancang gerak kerja dan bertindak selaras mengikut tempoh yang diperuntukkan.

#### **4.0 KEPUTUSAN SENAT**

Senat Universiti dengan kuasa yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Universiti bersetuju meluluskan **Garis Panduan Latihan Industri Antarabangsa Universiti Pendidikan Sultan Idris** seperti di Lampiran A.

#### **5.0 TARIKH KUAT KUASA**

Surat Pekeliling ini mula berkuat kuasa pada 10 September 2024.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”  
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”  
“PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN”**



**(SUHAILA SIDEK)**

Ketua Timbalan Pendaftar  
Bahagian Hal Ehwal Akademik  
Tarikh: 10 September 2024

# LAMPIRAN A

